

SOALAN LAZIM

BAHAGIAN PENGURUSAN ASET AWAM (PAM)

KEMENTERIAN KEWANGAN

PEKELILING PERBENDAHARAAN WP 4.1 – PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN

- 1. Pegawai layak dibekalkan dengan Kereta Rasmi Jawatan (KRJ) tetapi belum menerima KRJ, Kad Inden dan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit, adakah dibolehkan untuk pegawai menuntut kos bahan api dan Touch N Go (TnG) bagi perjalanan 4 kali pergi/balik rumah dengan menggunakan kenderaan sendiri?**

Rujuk para 23.1, Ketua Jabatan hendaklah membekalkan Kad Inden, Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit dan SmartTAG sebaik sahaja pegawai layak diperuntukkan Kereta Rasmi Jawatan walaupun Kereta Rasmi Jawatan belum dibekalkan kepada pegawai.

Rujuk para 23.4, kemudahan Kereta Rasmi Jawatan, Kad Inden, Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit dan SmartTAG kepada pegawai yang layak adalah berbentuk *in-kind* dan tidak boleh dituntut semula sekiranya pegawai belum menerima KRJ, Kad Inden dan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit.

Pada ketika ini, syarikat pembekal bahan api mengambil masa sehingga 14 hari untuk membekalkan Kad Inden. PAM akan berunding dengan syarikat untuk memendekkan tempoh masa pembekalan Kad Inden kepada 7 hari.

- 2. Pegawai layak dibekalkan dengan KRJ tetapi belum menerima KRJ, Kad Inden dan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit, sekiranya terdapat permintaan daripada pegawai untuk dibekalkan dengan Kenderaan Jabatan (KJ) (*pool*) dan seorang pemandu untuk perjalanan 4 kali pergi/balik rumah, adakah perkara tersebut dibolehkan atas alasan ketiga-tiga kemudahan tersebut belum diterima oleh pegawai?**

Rujuk para 23.4, kemudahan Kereta Rasmi Jawatan, Kad Inden, Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit dan SmartTAG kepada pegawai yang layak adalah berbentuk *in-kind* dan tidak boleh dituntut semula sekiranya pegawai belum menerima KRJ, Kad Inden dan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit.

Pegawai boleh menggunakan kenderaan persendirian untuk tugas rasmi dan membuat tuntutan mengikut kadar di bawah WP1.4 - Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Anggota Tentera Dan Anggota Polis).

3. **Adakah dibolehkan bagi seorang pegawai yang telah dibekalkan dengan KRJ untuk menggunakan kenderaan sendiri bagi perjalanan melaksanakan tugas rasmi seperti menghadiri mesyuarat atau bertugas luar Ibu Pejabat dan mengemukakan tuntutan mengikut kadar di bawah WP1.4 - Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Anggota Tentera Dan Anggota Polis)?**

Rujuk para 6.1.1, Kereta Rasmi Jawatan dibekalkan untuk kegunaan urusan rasmi pegawai. Walau bagaimanapun, pegawai dibenarkan menggunakannya untuk urusan persendirian, khusus untuk pegawai berkenaan sahaja.

Rujuk para 9.1.2.2 (vii), bagi perjalanan melaksanakan tugas rasmi seperti menghadiri mesyuarat atau bertugas luar Ibu Pejabat, pegawai hendaklah membeli bahan api dengan wangnya sendiri terlebih dahulu dan membuat tuntutan bulanan dengan menggunakan borang tuntutan perjalanan bertugas rasmi beserta resit rasmi.

Sekiranya dibenarkan, pegawai akan menikmati faedah berganda, iaitu faedah kenderaan yang dibekalkan dan faedah tuntutan elaun perjalanan.

4. **Adakah dibolehkan bagi seorang pegawai yang telah dibekalkan dengan KRJ (tanpa pemandu) untuk menggunakan pengangkutan awam seperti teksi/*e-hailing* bagi perjalanan melaksanakan tugas rasmi seperti menghadiri mesyuarat atau bertugas luar Ibu Pejabat atas alasan masalah tempat letak kereta dan sebagainya dan mengemukakan tuntutan mengikut WP1.4 - Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis)?**

Pegawai HANYA dibenarkan untuk menggunakan pengangkutan awam bagi melaksanakan tugas rasmi tertakluk kepada kes kecemasan yang melibatkan kerosakan pada KRJ pegawai.